

Mampukah anda?



BICARA KAMPUS

Oleh **ZAITON MOHAMAD**
zaiton.mohamad@yahoo.com

DALAM kehidupan manusia ada pasang dan surutnya. Ada ketika diri merasakan terlalu gembira namun pada ketika

yang lain akan ada emosi terguris, sedih dan kecewa. Sudah menjadi lumrah kehidupan di dunia bahawa hidup manusia tidak akan ada yang statik, tidak berubah dari kecil hingga dewasa. Malah setiap manusia akan sentiasa berubah-ubah dan berkembang. Lantaran itu putaran kehidupan manusia adalah kompleks dan tidak konsisten. Bagi orang yang berjaya mereka tidak akan meletakkan satu titik noktah dalam hidupnya. Malah sentiasa memikirkan apa lagi kebolehan dan peluang-peluang yang patut diceburinya sehinggakan memiliki harta berbillion-billion, seolah-olah ingin hidup seribu tahun lagi. Walaupun menyedari hakikat tersebut tidak akan berlaku. Namun atas dasar tidak ada titik noktah dalam pencariannya maka bagi golongan tersebut, setiap kali memperolehi keuntungan dan kemewahan maka itulah kepuasan maksimum bagi diri mereka.

Hal sedemikian berlaku kerana corak pemikiran seseorang individu dengan individu yang lain adalah tidak sama, malah sentiasa berlaku percanggahan antara satu sama lain. Namun begitu dalam menggariskan kehidupan yang harmoni percanggahan tersebut merupakan satu idea yang kreatif dan boleh diinovasikan dalam bentuk yang lain. Dengan cara tersebut sahaja keharmonian sejagat dapat terpelihara. Walau pun begitu, masih wujud ketidakfahaman sesetengah golongan yang sentiasa memikirkan corak yang songsang dan diluar kenormalan sebagai insan normal. Sebagai contohnya 'betapa seronoknya aku merampas harta yang bukan milik aku'. Idea tersebut kelihatan songsang bagi individu yang normal namun mungkin juga normal bagi golongan yang suka merampas milik orang lain. Walau bagaimanapun ia bergantung kepada persepsi seseorang itu dalam melakukan sesuatu perkara. Justeru itu dalam melakukan sesuatu aktiviti samada secara peribadi mahupun melibatkan individu yang lain perlu memikirkan natijah disebalik apa yang akan berlaku.

Ramai orang mengatakan kita tidak tahu apa yang bakal berlaku, dan meletakkan apa yang berlaku sebagai takdir. Namun bagi seseorang individu yang mempunyai lokus kawalan dalaman yang tinggi, mereka yakin setiap apa yang berlaku adalah di atas usaha mereka sendiri samada berjaya ataupun tidak. Namun bagi golongan yang mempunyai lokus kawalan luaran yang tinggi, individu yang termasuk dalam golongan ini akan menyalahkan takdir, nasib dan orang lain. Malah meletakkan segala kegagalannya di bahu orang lain dan suka menyandarkan harapan kepada orang lain serta mempergunakan nama orang lain untuk kepentingan diri sendiri. Mengikut kajian pakar lokus kawalan iaitu Julian B. Rotter (1960) individu yang berjaya dalam hidup adalah individu yang memiliki lokus kawalan dalam berbanding lokus kawalan luaran kerana ia mempunyai kekuatan dalaman atau intrinsik yang memandu arah untuk kehidupan yang lebih baik. Justeru itu ia berkaitan dengan resilien manusia terhadap cabaran yang menimpa dirinya. Oleh sebab itu individu yang mempunyai lokus kawalan dalam akan lebih berani dan resilien dalam menghadapi dugaan dalam hidup mereka. Justeru itu dalam menghadapi cabaran semasa usahlah menggunakan laman-laman sosial untuk melarikan diri daripada menghadapi masalah sebaliknya bersedialah dengan kekuatan minda dan berani menghadapi sendiri setiap dugaan tanpa mengheretkan orang lain ke dalam kancah permasalahan yang dihadapi. Seseorang individu yang memiliki resilien dan lokus kawalan dalam yang tinggi akan bersedia memikul tanggungjawab yang diberikan dan berlapang dada dalam menerima sebarang teguran yang boleh membimbing hidupnya.

* Penulis adalah Pegawai Psikologi HEP UMS